



## "SAMBUTLAH RAMADHAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ  
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَتَّقُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah kita sentiasa istiqamah bersama Islam dan bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat dan kerehdaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Ahlan Wasahlan Ya Ramadhan. Dengan penuh rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T, kita mengalu-alukan kedatangan ramadhan yang akan menjelang tiba beberapa hari lagi. Ramadhan adalah bulan yang mulia, bulan rahmat, bulan kebajikan, bulan maghfirah dan InsyaAllah akan membebaskan kita daripada api neraka sekiranya kita benar-benar melaksanakan segala tuntutan-Nya dengan penuh ketaatan. Setiap muslim mukmin yang muttaqi amat gembira dengan kedatangannya, sebaliknya kedatangannya amat tidak disenangi pula oleh mereka yang lemah imannya.

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kita sentiasa berdoa dan merasa amat bertuah, kerana diberi kesempatan untuk menemui lagi ramadhan pada kali ini serta terus mengharap agar dapat bersamanya sehingga ke akhirnya dan bertemu lagi dengan ramadhan di tahun-tahun yang mendatang. Kita mahu menjadi golongan mukmin yang disebutkan oleh Rasulullah S.A.W dalam hadisnya yang bermaksud:

*"Kalaulah umatku tahu tentang kebaikan bulan ramadhan mereka pasti mengharapkan biarlah ramadhan itu sepanjang tahun".*

*(Riwayat At-Tabrani)*



Namun apakah umat Islam hanya bersedia melakukan ibadah puasa sekadar menahan diri daripada makan dan minum mengikut waktu yang ditetapkan sahaja, tetapi pada masa yang sama segala perbuatan-perbuatan yang keji masih diteruskan sekalipun ketika berpuasa?. Itu bukan amalan puasa yang dituntut Islam. Marilah kita sama-sama memahami maksud hadis nabi S.A.W:

*"Bukanlah puasa namanya, hanya sekadar tidak makan dan tidak minum, tetapi puasa yang sebenar ialah menahan diri daripada perkara yang sia-sia dan bercakap kotor (keji), sekiranya ada orang yang memaki hamun kamu atau memperbodohkan kamu, maka katakanlah padanya sesungguhnya aku ini berpuasa".*

*(Riwayat Ibnu Huzaimah, Ibnu Hibban dan Al-Hakim)*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kita hendaklah menjadikan ramadhan sebagai sebuah madrasah atau pusat tarbiyyah. Sesungguhnya madrasah ramadhan mempunyai sukatan pendidikan yang lengkap tentang tarbiyyah Islam. Ianya merangkumi pelbagai kegiatan utama, antaranya tilawah, tazkiyyah, ta'lim dan ta'dib. Menjadi satu kewajipan bagi setiap umat Islam supaya mengambil peluang sepenuhnya dengan melakukan sebanyak-banyak amal soleh melalui kegiatan utama di sepanjang bulan mulia ini. Inilah kesempatan yang tidak patut dilepaskan begitu sahaja oleh setiap Muslim, kerana ramadhan tahun hadapan belum pasti kita temui.

Seperti biasa, kita akan amalkan tilawah dan tadarus Al-Quran sama ada di waktu malam mahupun siang. Kita akan baca Al-Quran secara tartil, berterusan serta berusaha memahami, menghayati dan mengamalkan segala ajarannya.



Aktiviti tazkiyyah pula menuntut kita melakukan pemurnian, muhasabah, memperbaiki amal dan sentiasa berhati-hati dalam semua tindakan demi menjaga diri daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan kejernihan hati Muslim yang sedang berpuasa. Manakala ta'lim pula perlu dihayati dengan pelbagai kegiatan keilmuan seperti ceramah, tazkirah, daurah, perbincangan dan yang seumpamanya. Manakala ta'dib pula ialah proses mendidik jiwa insan muslim sehingga berupaya melakukan perubahan ke arah melahirkan umat yang memiliki pelbagai amalan mahmudah iaitu yang terpuji sehingga mampu memimpin dan menyelamatkan umat dan dunia, InsyaAllah.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Inilah kualiti insan Muslim yang perlu dilahirkan bagi melawan segala serangan musuh yang datang daripada pelbagai sudut. Maka lulusan madrasah ramadhan yang mengikuti segala kurikulum tarbiyyahnya insyaAllah akan dapat menterjemahkan amal Islami yang menggambarkan betapa mereka adalah generasi rabbani yang kuat dan perkasa. Ramadhan bakal mendidik mereka erti mujahadah yang berupaya memberikan kehebatan dan istiqamah dalam melawan nafsu. Mana-mana Muslim Mukmin yang mampu mengalahkan nafsunya, nescaya akan mampu mengalahkan segala godaan nafsu yang lain. Begitulah sebaliknya jika kita tewas melawan nafsu maka tentulah kita tidak akan berdaya pula menghadapi pelbagai godaan lain.

Sebab itu dikatakan mujahadah lebih besar kesannya daripada jihad. Walaupun jihad juga memerlukan watak pejuang yang berani tetapi mujahadah menuntut keberanian berpanjangan kerana ia sentiasa menghadapi pertarungan dalaman yang berterusan. Sebab yang dikatakan nafsu itu sekali ia tumbang, ia akan bangkit semula, bahkan ia akan sentiasa mengulangi godaannya.



Manakala musuh di medan jihad apabila ia tewas dan terbunuh, ia tidak akan bangkit semula. Di sinilah sifat mujahadah diperlukan. Kerana di sepanjang bulan ramadhan kita berhadapan dengan pelbagai jenis urusan yang tergolong dalam isu pertarungan dengan nafsu dan segala kebiasaan yang boleh dilakukan pada bulan lain tetapi tidak boleh dilakukan ketika berpuasa.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Setiap Muslim hendaklah bersedia dari segi mental, fizikal dan spiritual untuk menjadikan ramadhan sebagai medan yang mampu mendidik jiwa ke arah memperkukuh jati diri sebagai Muslim sejati. Muslim Mukmin, sama ada lelaki mahupun wanita, muda ataupun tua, yang cergas atau lemah selagi tertakluk kepada tuntutan syarak, serta melalui proses tarbiyyah ramadhan dengan ikhlas, bakal menjadikannya insan berkualiti kental yang mampu memahami, merasai serta merealisasikan nilai-nilai kemanusiaan yang merentas wilayah dan kelompok kemanusiaan.

Dengan kedatangan bulan Ramadhan yang mulia ini kita hendaklah mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dengan banyak memohon taufik, hidayah, berdoa dan bertaubat agar Allah S.W.T sentiasa memberi petunjuk, bimbingan dan pemeliharaan demi untuk kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat. Sebab itu mereka yang berjaya melalui tarbiyyah di madrasah ramadhan serta memiliki jiwa mujahadah yang mantap akan menjadi seorang Muslim yang soleh, bersih dan berkualiti. Rebutlah ganjaran Allah S.W.T sebagaimana maksud hadis qudsi;

*"Allah S.W.T berfirman pada setiap malam Ramadhan bila mana orang yang memohon, Aku akan berikan permohonannya, bila mana orang yang bertaubat, Aku akan terima taubatnya, bila mana orang yang memohon*



*keampunan, Aku akan ampunkannya, dan Allah akan membebaskan pada setiap malam ramadhan beribu-ribu penghuni dari api neraka yang telah ditentukan mendapat azab". (Riwayat Al-Muwatta')*

Pada kesempatan ramadhan yang bakal tiba, marilah kita bersungguh-sungguh melakukan pelbagai amal dan usaha kebajikan secara serius sehingga mampu mempertingkatkan tahap mujahadah. Jadikanlah mujahadah sebagai sebahagian daripada cara hidup kaum Muslimin. Hanya dengan itu kita akan dapat menjadi Muslim, Mukmin yang Muttaqi. Janganlah kita membazir serta mensia-siakan waktu serta kesempatan supaya kita tidak akan menyesal di kemudian hari.

Oleh itu segala pancaindera insan yang berpuasa hendaklah dijaga, dididik dan dikawal supaya malakukan perkara yang diharuskan oleh syarak. Demi untuk mencapai keberkesanan yang terbaik daripada amalan puasa maka umat Islam hendaklah melakukan segala perkara mahmudah dan menjauhi segala perkara mazmumah, zahir mahupun batin. InsyaAllah dengan berbuat demikian kita akan dapat menghasilkan kesan puasa yang terbaik. Malahan ianya akan menjadi bekalan di sepanjang kehidupan ke arah mendapat redha Allah S.W.T.

Diharap tidak ada di kalangan umat Islam yang melanggar perintah Allah SW.T supaya berpuasa. **Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor** telah menyebutkan bahawa:

"Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadhan menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap serta-merta dalam waktu itu atau secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain yang



seumpamanya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya".

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ  
وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ  
فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ  
أُخْرَىٰ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ  
وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَانَكُمْ  
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan membezakan antara yang benar dengan yang salah; oleh itu, sesiapa daripada kamu yang menyaksikan anak bulan ramadhan (atau mengetahuinya), maka



hendaklah dia berpuasa; sesiapa yang sakit atau dalam musafir (lalu dia berbuka maka wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain (diluar bulan ramadhan); Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan (dengan ketetapan yang demikian) dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran; dan juga supaya kamu mencukupkan bilangan puasa (sebulan ramadhan), serta kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur”.

(Al-Baqarah: 185)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ وَإِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ  
الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ  
إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ  
صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Engkau bukannya hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*  
Yusop/Li